



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEPERLUAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM
PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS DI STAI GAJAH PUTIH
TAKENGON, ACEH, INDONESIA**

RAHMANITA ZAKARIA



05-4506832

**PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI**



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 April 2010

RAHMANITA ZAKARIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



M20082000571



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DECLARATION

I Hereby declare that this project paper is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

10 April 2010

RAHMANITA ZAKARIA

M20082000571



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN



Alhamdulillah puji syukur kehadiat Allah SWT yang telah memberikan limpahan rahmat dan karuniaNya sehingga penyelidik dapat menyelesaikan projek ini dengan sempurna, walaupun dengan menghadapi berbagai kendala dan kesukaran.

Ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Profesor Madya Dr.Abdul Latif bin Haji Gafor sebagai penyelia yang telah banyak memberi sumbangan, bimbingan, motivasi dan arahan sehingga projek ini menjadi layak dan sempurna. Terima kasih yang tak terhingga juga kepada Profesor Madya Dr.Yusup Hashim dan Profesor Madya Dr. Othman Lebar atas segala bantuan dan bimbingannya dalam proses penyempurnaan projek ini serta seluruh pensyarah yang telah memberikan ilmu yang tak ternilai kepada saya.

Teristimewa untuk ayahanda tercinta Zakaria Ahmad dan Ibunda Muslimah atas setiap tetes peluh dan air mata dalam setiap sujud untuk kesuksesan dan kemudahan langkah ananda. Keluarga besar tercinta yang selalu menjadi inspirasi terbesar dalam penyelesaian projek ini. Kepada Orang tua yang sangat berperan dalam kejayaan penyelidik Bapak Agus Tri Wahyudi dan Ibu Shaumiwati, SS.M.Hum.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh jajaran yang terdapat di STAI Gajah Putih Takengon dan NAD dan pihan UPSI yang telah banyak membantu dalam mempermudah jalan. Serta terima kasih yang tak terhingga kepada seluruh teman-teman seperjuangan yang senantiasa memberi dukungan, motivasi, kritik dan saran dalam penyelesaian projek ini. Semoga jasa budi yang diberikan akan mendapati balasan daripada Allah S.W.T.

Rahmanita Zakaria
M200082000571
Fakulti sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim
Perak, Malaysia





ABSTRAK

KEPERLUAN PENGGUNAAN INTERNET DALAM PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS DI STAI GAJAH PUTIH TAKENGON, ACEH TENGAH, INDONESIA

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana keperluan penggunaan internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Gajah Putih Takengon. Bagi mencapai objektif kajian ini seramai 92 orang pelajar semester 7 jurusan bahasa Inggeris telah digunakan sebagai sampel dalam kajian ini. Kaedah soal selidik yang menggunakan skala likert telah digunakan dan terdapat 15 item soal selidik diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak. Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mencari kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa (a) keperluan penggunaan internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris di STAI Gajah Putih adalah tinggi, (b) faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet dalam pembelajaran yang meliputi segi kemahiran, sarana yang tersedia dan finansial berada di tahap rendah, dan (c) tahap kesediaan serta minat pelajar terhadap penggunaan internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris adalah tinggi.





ABSTRACT

THE NEEDED OF USING INTERNET IN ENGLISH TEACHING LEARNING AT STAI GAJAH PUTIH TAKENGON, ACEH TENGAH, INDONESIA

The aim of this research is to observe the how far the need of using internet in English Learning at Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Gajah Putih Takengon. To achieve the objective, a total of 92 English Student in 7 semester was used as sample in this research. There are 15 items of questionnaire have been sent out to the selected respondents. Then this data was analizey by using the Statistical Package For The Social Science (SPSS). The research result indicated that (a) The needed of using internet in English Learning in STAI Gajah Putih is in high level. (b) The result also indicate that the factors that influence the using of internet that consist of skill, tool dan finance are in low level, and (c) Standart of student's interest in learning English by using internet are in high level.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Kerangka Konsep Kajian	7
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Kepentingan Kajian	10
1.10 Defenisi Operasional	11
1.11 Batasan Kajian	13
1.12 Rumusan	14
BAB 2 TINJAUAN LITERATURE	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian Mengenai Keperluan Penggunaan Internet Dalam Proses	



Pembelajaran	15
2.3 Kajian Mengenai Kesediaan Penggunaan Internet	26
2.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Internet	31
2.5 Rumusan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	38
3.2 Rekabentuk Kajian	39
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	39
3.4 Lokasi Kajian	41
3.5 Kaedah Pengumpulan data	41
3.6 Alat Pengukuran Kajian	42
3.7 Kajian Rintis	45
3.8 Kaedah Penganalisaan Data	46
3.8 Rumusan	46

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	47
4.2 Analisis Bahagian A	47
4.3 Dapatan kajian	53
4.3.1 Apakah keperluan penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di STAI gajah putih Takengon	53
4.3.2 Kesediaan dan minat pelajar terhadap penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris	56
4.3.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris	60

4.4 Rumusan 66

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan Kajian	68
5.2.1	Apakah keperluan penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di STAI gajah putih Takengon	68
5.2.2	Kesediaan dan minat pelajar terhadap penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris	72
5.2.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris	73
5.3	Cadangan	75
5.4	Cadangan kajian akan datang	77
5.5	Rumusan	78

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran 1 : Kebenaran menjalankan kajian

Lampiran 2 : Borang soal selidik

**SENARAI JADUAL**

Jadual	Tajuk Jadual	Muka Surat
3.1	Kandungan soal selidik	30
3.2	Interpretasi sebaran min bagi item-item berskala 4	30
3.3	Taburan item-item mengikut subskala yang diambil kira	31
4.1	Taburan responden mengikut jantina	48
4.2	Taburan responden mengikut umur	49
4.3	Taburan responden mengikut kelulusan akademik	50
4.4	Taburan responden mengikut kepemilikan komputer	50
4.5	Taburan responden mengikut penggunaan internet untuk keperluan pembelajaran	51
4.6	Taburan responden mengikut penggunaan internet untuk hiburan	52
4.7	Taburan responden mengikut kekerapan dalam mengikuti kursus ICT	52
4.8	Analisis kelengkapan komputer sebagai sarana untuk menggunakan internet dalam proses pembelajaran	54
4.9	Analisis mengikut kekerapan penggunaan internet untuk keperluan pembelajaran	55
4.10	Analisis mengikut kemahiran menggunakan komputer dan internet dalam pembelajaran	57
4.11	Analisis mengikut kekangan dalam penggunaan internet	58
4.12	Analisis kesediaan mempelajari internet dikalangan pelajar bahasa Inggris	61
4.13	Analisis mengikut penerimaan penggunaan internet	63





SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual mengenai penggunaan internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris di STAI Gajah Putih Takengon	9





SENARAI SINGKATAN

Singkatan

Keterangan

STAI

Sekolah Tinggi Agama Islam

ICT

Interaktif Communication Technology

P & P

Pengajaran dan Pembelajaran

SPSS

Statistical Package For the Social Sciences

PC

Personal Computer / Komputer Pribadi





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Internet merupakan salah satu alat teknologi yang di dalamnya terdapat pelbagai macam ilmu pengetahuan yang dapat mempermudah para pelajar untuk mendapatkan referensi yang banyak dari pelbagai sumber dalam pembuatan tugas dan mencari sumber-sumber informasi yang mampu meningkatkan kualiti pembelajaran tanpa harus menghabiskan banyak waktu dan mengeluarkan banyak wang untuk membeli buku atau mencari buku di perpustakaan luar kerana dengan adanya kemudahan Internet hanya dengan waktu hitungan detik para pelajar dapat mengakses pelbagai buku yang ada di seluruh dunia sesuai dengan keperluannya. Internet juga merupakan medium pembelajaran yang sangat praktikal guna meningkatkan pengetahuan para pelajar di dalam mengembangkan kemampuan berbahasa Inggeris melalui bahan pembelajaran yang terkini dan prosesnya mudah diakses dari pelbagai sumber yang ada di dunia tanpa harus mengeluarkan kos yang maksimal dibandingkan dengan kos yang diperlukan untuk penyediaan buku teks dan bahan pembelajaran lainnya.

Namun begitu, perkembangan penggunaan Internet yang begitu pesat belum sejalan dengan adanya kemudahan yang disediakan untuk keperluan penyediaan jaringan Internet itu sendiri. Hal ini dapat dilihat dari begitu banyak daerah-daerah yang





masih tertinggal yang jangankan untuk mahir menggunakan Internet, mengenal istilah Internet sahaja tidak. Begitu juga halnya dengan daerah yang baru sahaja mengenal kata Internet dan bagaimana penggunaan dan kegunaan Internet dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Dalam hal ini pengkaji mengambil satu daerah iaitu Takengon sebuah daerah pegunungan yang berada di aceh tengah, Indonesia. Dan lebih dispesifikan pada keperluan penggunaan Internet di kalangan mahasiswa yang ada Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih Takengon. Berdasarkan hasil tinjauan secara menyeluruh dapat disimpulkan bahawa mahasiswa yang belajar pada Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih, khususnya yang ada pada Prodi Bahasa Inggeris (TEN) sepertinya belum memahami sebenarnya apa yang dimaksud dengan pemanfaatan teknologi maklumat, terutama manfaat dari media Internet secara terperinci. Bahasa Inggeris dan media Internet merupakan komponen pendidikan yang sangat erat kaitannya dan saling ketergantungan antara satu sama lain di dalam memotivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris



Dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji keperluan pelajar mengenai penggunaan Internet dalam proses pembelajaran di kalangan mahasiswa yang terdapat pada Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih Takengon. Sehingga dengan sendirinya nanti juga akan diketahui faktor-faktor apa sahaja yang mempengaruhi serta kesediaan pelajar terhadap penggunaan Internet. Hal ini nantinya akan memudahkan kita untuk mencari penyelesaian yang tepat supaya penggunaan Internet dapat memberi kesan dan meningkatkan motivasi serta kualiti belajar melalui pelbagai kemudahan yang disediakan oleh jaringan Internet.





1.2 Pernyataan Masalah

Internet merupakan suatu hal yang sangat awam dikalangan para pelajar Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Gajah Putih Takengon khususnya pelajar jurusan bahasa Inggeris. Hal ini karena Takengon merupakan daerah yang didapati berada sedikit jauh dari ibu kota Indonesia, sehingga segala perkembangan inovasi baru dalam segala hal terutama aspek pendidikan dan teknologi lambat sampai di daerah ini. Internet baru mulai dikenal sekitar enam tahun kebelakang di daerah ini. Namun untuk pelaksanaan pembelajaran berbantuan internet di STAI Gajah putih masih baru dijalankan sekitar dua tahun terakhir. Sejak internet dikenal di Takengon hanya sebagian kecil saja pensyarah yang menggalakkan pelajar untuk mencari bahan di Internet, namun sekarang pelaksanaan pembelajaran berbantuan Internet sudahpun mulai digalakkan dan berkembang sedikit demi sedikit.



Dalam kenyataannya masih begitu banyak mahasiswa yang belum mampu memanfaatkan penggunaan Internet untuk keperluan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik karena keterbatasan pengetahuan mereka mengenai internet dan kurangnya fasilitas penyokong dalam menggunakan Internet untuk keperluan pembelajaran yang tersedia di STAI Gajah Putih Takengon. 16 unit komputer yang tersedia dalam satu makmal komputer di STAI Gajah Putih Takengon tidaklah memenuhi keperluan pelajar bahasa Inggris yang berjumlah 653 pelajar, belum lagi jika dikongsi dengan pelajar-pelajar jurusan lainnya, sehingga untuk dapat mengakses Internet para pelajar harus menanggung kos yang masih tinggi di pusat-pusat Internet yang masih terbatas. Kemahiran para pelajar dalam mengakses Internet juga masih menjadi kekangan yang cukup besar sehingga menyulitkan para pelajar untuk





mendapatkan data atau referensi yang tepat dan sesuai dengan keperluan yang diinginkan.

Hal ini tentunya tidak terlepas dari keadaan sosio ekonomi keluarga yang sangat menyokong berpengaruh terhadap penggunaan Internet dikalangan pelajar yang bisa juga akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Rata-rata pelajar STAI Gajah Putih Takengon berasal dari kelas ekonomi menengah kebawah, sehingga untuk memenuhi keperluan pembelajaran banyak dari para pelajar yang harus bekerja sambil kuliah untuk memenuhi keperluannya.

Menurut T. Marimuthu (1990) sosioekonomi atau kelas sosial keluarga merupakan unsur penelah yang paling tekal dan kukuh bagi menentukan kebolehan akademik kanak-kanak di sekolah. Taraf sosioekonomi dan pencapaian akademik menunjukkan hubungan yang positif, iaitu semakin tinggi taraf sosioekonomi ibu bapanya, maka semakin tinggilah pencapaian akademik itu. Ini bermakna bahawa keadaan sosioekonomi ibu bapa berperanan penting terhadap pencapaian akademik pelajar dikarenakan cara belajar dan fasilitas pembelajaran yang berbeda mengikut keadaan sosioekonomi ibu bapa. Semakin tinggi pendapatan ibu bapa maka kelayakan untuk mendapatkan fasilitas internet dalam pembelajaran akan semakin tinggi begitu juga sebaliknya.

Para pelajar yang berada pada kelas ekonomi menengah keatas akan mampu membeli modem, wireless atau membayar *cyber café* untuk memenuhi keperluan penggunaan internet untuk pembelajaran dikalangan pelajar. Sedangkan untuk para pelajar yang berada pada tahap sosio ekonomi menengah kebawah akan mengalami kesulitan memenuhi keperluan tersebut karena keadaan ekonomi yang terhad sehingga mereka akan mengutamakan keperluan yang lebih penting dan menganggap internet





adalah sesuatu yang komersil dan mahal. Dari hasil pengamatan yang dilakukan menunjukkan bahwa sebahagian besar kendala yang dihadapi ketika menggunakan internet adalah dari segi sarana yang tersedia, dimana banyak dari para pelajar yang berada dikalangan ekonomi menengah kebawah dan tidak memiliki komputer dan fasilitas internet sendiri sehingga ini sangat mereka harus pergi ke cyber cafe untuk mengakses dan menggunakan internet untuk keperluan pembelajaran dengan mengeluarkan kos yang cukup mahal. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa banyak para pelajar yang enggan mengeluarkan wang mereka untuk membayar iuran di cyber cafe karena mengaggap masih banyak keperluan yang lebih penting. Maka dapat disimpulkan bahawa para pelajar jarang menggunakan internet untuk keperluan pembelajaran dikarenakan faktor sosioekonomi. Kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin,1999) juga mendapati bahawa faktor sosioekonomi, khususnya tahap pendidikan yang diterima oleh ibu bapa, mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka.



Tidak dapat dipungkiri bahawa terdapat berbagai kekangan yang dihadapi oleh para pelajar dalam menggalakkan penggunaan internet untuk keperluan pembelajaran ini baik itu dari segi finansial, sarana dan prasarana yang tersedia maupun dari segi kemahiran pelajar sendiri yang sangat berpengaruh terhadap penggunaan internet dalam proses pembelajaran khususnya dalam bidang bahasa Inggeris. Hubungan antara taraf sosioekonomi keluarga dan pencapaian akademik telah dapat dilihat dalam tiap-tiap kelompok masyarakat Barat berdasarkan pengalaman dan penelitian (Boocock,1990 dalam T. Marimuthu,1996). Mengikut tinjauan yang dilakukan oleh Banks (1996) dan Simpman (1972) mengenai kajian-kajian dalam bidang ini masing-masing menegaskan





bahawa terdapat banyak bukti untuk mengesahkan hubungan yang kuat antara kelas sosial dan pencapaian akademik. (Habib Mat Som, 2009).

Untuk menangani pelbagai masalah yang ada dikalangan para pelajar dalam menggunakan Internet untuk keperluan pembelajaran inilah maka pengkaji mengambil suatu rumusan berupa “Apakah keperluan penggunaan Internet dalam proses pembelajaran” yang dikhususkan pada pelajar yang mengambil jurusan Bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih Takengon

1.3. Tujuan kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan penggunaan Internet di kalangan pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris dengan mengkaji dan mengenalpasti segala aspek yang berhubungan dengan penggunaan Internet dari segi kebaikan dan kerugian penggunaan Internet terhadap pelajar, kewangan, kemahiran, dan kesediaan prasarana yang ada serta kekangan dalam penggunaan Internet. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat tingkat kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan Internet sebagai salah satu media pembelajaran yang dapat membantu mempermudah proses P&P serta menyokong terciptanya pembelajaran yang berkesan.

Minat juga merupakan salah satu komponen penting yang mempengaruhi terlaksananya penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran dikalangan pelajar. Oleh kerana itu, pengkaji juga ingin mengkaji bagaimana minat pelajar terhadap penggunaan Internet sebagai media yang dapat membantu mereka dalam meningkatkan keberkesanan dalam pembelajaran.





1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti keperluan penggunaan Internet oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris di sebuah Sekolah Tinggi yang terdapat di Aceh Tengah.
2. Mengenalpasti tahap kesediaan dan minat pelajar terhadap penggunaan Internet untuk keperluan pembelajaran bahasa Inggeris.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris.

1.5 persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang telah dikemukakan di atas, maka dapatlah dilihat beberapa soalan kajian sebagai berikut:

1. Apakah keperluan pelajar terhadap penggunaan Internet dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih Takengon?
2. Sejauhmanakah kesediaan dan minat pelajar terhadap penggunaan Internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Untuk mengetahui tingkat kejayaan dan keberkesanan dari strategi pembelajaran yang dianggap mampu menunjang terlaksananya proses pembelajaran bagi memperoleh hasil yang maksimum dan berkualiti, maka diperlukan prasarana serta pihak-pihak yang mendukung pembaharuan dalam dunia pendidikan yang berkembang saat ini sesuai






dengan keperluan dan perkembangan zaman. Tidak dapat dinafikan bahawa tidaklah mudah menerima atau menjalankan suatu pembaharuan yang datang dalam kehidupan kita, terutama di kalangan pelajar. Perkembangan dari sebuah inovasi baru tentu sahaja memerlukan waktu dalam proses perubahan itu sendiri. Hal ini tidak terlepas dari pengetahuan yang ada mengenai pelbagai aspek-aspek yang merupakan kemudahan ataupun kekangan-kekangan yang ada dalam proses pelaksanaan kaedah baru yang digunakan dalam proses pembelajaran. Untuk itulah diperlukan kajian yang dapat membantu seluruh pihak yang berkaitan dengan komponen pendidikan untuk mengetahui lebih jauhnya mengenai tingkat keperluan dalam pembelajaran bahasa Inggeris.

Berasaskan kerangka yang mempengaruhi terlaksananya proses pembelajaran dengan menggunakan Internet dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran, kajian ini telah mengkaji tingkat keperluan penggunaan Internet dalam proses pembelajaran di kalangan pelajar bahasa Inggeris yang dikaitkan dengan pelbagai aspek yang menyokong serta kekangan-kekangan yang mempengaruhi terlaksananya penggunaan Internet dalam proses pembelajaran.





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian





1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti tingkat keperluan penggunaan Internet dalam pembelajaran bahasa Inggeris yang ada di Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah Putih Takengon. Pada umumnya para pelajar baru mengenal istilah Internet dan menggunakannya untuk kepentingan pembelajaran, khususnya dalam mencari bahan-bahan pembelajaran yang berkaitan dengan empat komponen penting yang ada dalam bahasa Inggeris iaitu membaca (*reading*), menulis (*writing*), mendengar (*listening*), dan berbicara (*speaking*).

Tingkat keperluan ini ditinjau kerana masih sedikitnya penggunaan Internet di kalangan pelajar, hal ini dikeranakan pelbagai faktor yang menjadi kekangan dalam penggunaan Internet, oleh kerana itulah pengkaji berkeinginan untuk melihat keperluan penggunaan dalam pembelajaran bahasa Inggris di STAI Gajah Putih Takengon dari segi tingkat keperluan pelajar dalam penggunaan Internet yang meliputi sarana yang tersedia dan kekerapan penggunaan Internet, tingkat kesedian dan minat pelajar dalam menggunakan Internet serta factor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet yang meliputi segi kemahiran pelajar dan kekangan-kekangan yang terdapat dalam penggunaan Internet di kalangan pelajar.

1.8 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini adalah:

1. Hasil kajian yang diperolehi diharapkan mampu memberi gambaran mengenai keperluan pelajar terhadap penggunaan Internet dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris.
2. Melalui dapatan kajian ini diharapkan tenaga pengajar mampu lebih meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Inggeris dalam mencapai tujuan pendidikan dan





menciptakan pembelajaran yang lebih berkesan melalui penggunaan Internet sebagai media yang dapat menyokong dan meningkatkan kualiti pembelajaran.

3. Dapatan kajian ini juga diharapkan mampu memberi input kepada STAI Gajah Putih Takengon untuk merancang penggunaan Internet di kalangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan memudahkan pelajar melalui penyediaan prasarana serta merubah sistem pembelajaran dengan memanfaatkan Internet sebagai alat yang dapat menyokong keefektifan proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Di samping itu diharapkan juga kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam komponen pendidikan untuk mengenal pasti keperluan penggunaan Internet di kalangan pelajar sehingga dapat dijadikan acuan untuk menciptakan strategi dan kaedah pengajaran yang lebih berkesan di kalangan pelajar dalam semua bidang.



1.9 Definisi operasional

1. 9.1 Keperluan

Menurut kamus dewan (1991) yang dimaksud dengan keperluan adalah apa-apa yang diperlukan, yang berguna atau yang penting.

Dalam konteks penyelidikan ini keperluan yang dimaksud adalah apa-apa yang dianggap penting atau diperlukan pelajar dalam penggunaan Internet untuk proses pembelajaran bahasa Inggeris di STAI Gajah Putih Takengon.





1.9.2 Penggunaan

Menurut kamus dewan (1991) talian penggunaan adalah perihal yang berupa perbuatan atau kegiatan dalam menggunakan atau memakai sesuatu.

Konteks penggunaan dalam kajian ini iaitu perihal dalam menggunakan Internet dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris.

1.9.3 Internet

Sebuah situs ensiklopedia terbesar, [www. wikipedia.com](http://www.wikipedia.com) mendefenisikan erti kata Internet sebagai rangkaian komputer yang terhubung melintasi beberapa rangkaian yang terhubung secara global dan menggunakan TPC/IP sebagai protokol pertukaran paket (packet switching communication protocol).

Internet yang dimaksud dalam penyelidikan ini adalah penggunaan hubungan komputer atau rangkaian Internet untuk kepentingan proses pembelajaran bagi pelajar Bahasa Inggeris yang ada di Sekolah Tinggi ini sama ada melalui penggunaan E-mail, laman carian (*alta vista, yahoo, google*) untuk mencari bahan-bahan yang berhubungan dengan pembelajaran bahasa Inggeris, kamus talian, mahupun laman-laman web yang tersedia di dalam Internet.

1.9.4 Pembelajaran

Oemar Malik (2008) menyatakan bahawa pembelajaran adalah suatu kombinasi yang tersusun yang tersusun meliputi unsur-unsur yang manusiawi, bahanal, kemudahan, perlengkapan, dan prosedur yang saling mempengaruhi mencapai tujuan pembelajaran. Manakala mengikut Gagne (1993) dalam Reiser & Dempsey 2007, pembelajajan adalah peristiwa mempengaruhi siswa sehingga terjadi proses pembelajaran.





Dari definisi di atas dapat disimpulkan bahawa pembelajaran adalah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan yang seluruh proses tersebut berlangsung sepanjang hayat, bila-bila masa dan di mana sahaja. Sama ada secara formal yang berupa pembelajaran di sekolah dan universiti mahupun secara nonformal berupa pengalaman dan keahlian yang didapati dari lingkungan sekitar. Dalam konteks kajian ini dikaitkan dengan sistem pembelajaran bahasa Inggeris melalui menggunakan Internet.

1.9.5 Minat

Sardiman (2001) menyatakan bahawa minat adalah rasa suka dan rasa ketertarikan pada suatu hal atau aktiviti tanpa ada yang menyuruh, minat pada hakikatnya adalah penerimaan hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar dirinya, semakin kuat atau semakin dekat hubungan tersebut maka semakin besar minatnya. Minat yang dimaksud dalam penyelidikan ini adalah ketertarikan pelajar terhadap penggunaan Internet dalam mempermudah proses pembelajaran bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Agama Islam Gajah putih Takengon.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan pada penyelidikan yang dilakukan untuk mengetahui lebih jauhnya mengenai keperluan penggunaan Internet dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sebuah Sekolah Tinggi yang terdapat di Aceh Tengah. Dengan melibatkan seramai 92 orang pelajar jurusan bahasa Inggeris semester 7 sebagai sampel kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen berupa soal selidik, yang hasil dapatan kajiannya diambil dari responden yang





menjawab persoalan yang dikemukakan sahaja, maka kejujuran responden dalam menjawab soalan sangat menentukan kesahan dan keboleh percayaaan kajian ini serta ketetapan kajian ini untuk mendapatkan nilai yang tinggi dan pengakuan dari khalayak ramai dengan melihat kekerapan, peratus dan min dari hasil analisis data yang diperolehi.

1.11 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan pelbagai aspek yang diperlukan dan dianggap penting sebelum penelitian ini dijalankan dengan lebih mendalam. Adapun aspek-aspek yang dikaji dalam bab ini adalah keperluan kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, definisi operasional dan kepentingan kajian serta rumusan.

Di samping menjadi garis panduan kepada pengkaji, bab ini juga sangat berguna bagi pengkaji untuk mengetahui apakah yang ingin dikemukakan dalam kajian ini, serta mengetahui sejauh mana kepentingan kajian ini perlu untuk diteruskan yang dapat dilihat dari beberapa pokok bahasan yang telah dikaji terutama pada pernyataan masalah dan kepentingan kajian. Serta sebagai gambaran awal supaya penyelidikan yang nantinya dilakukan sesuai dengan rancangan penyelidikan yang telah dibuat sehingga menghasilkan suatu hasil penyelidikan yang berkesan, menghasilkan impak serta nilai yang tinggi.

